Majalah
AADK
Agensi Antidadah Kebangsaan • National Anti-Drugs Agency

Bil. 1/2015

www.adk.gov.my

DADAH
MASIH MUSUH NO. 1 NEGARA

KANDUNGAN

1 DADAH... Kesannya Membinasakan

2 Round-Table Dasar DADAH Negara dan Jawatankuasa Khas Majlis Sosial

3 Perkasakan KERJASAMA Antara Agensi Penguatkuasaan

4 Merakyatkan KESELAMATAN Melalui NBOS

5 Hukuman Kesalahan KETUM Tidak Setimpal

6 492 Terima PENGHARGAAN Daripada Kerajaan

7 Kem SHIELDS Perdana

8 Produk AADK di MAPPA 14

9 YBhg. Dato' Sri KSU KDN Kagum Hasil Tanaman di JELEBU

10 AADK Open Day, Sempena HADA 2015

11 Kesan DADAH Dari Sudut Pandangan Islam

12 AADK Capai Standard Piawai Dokumen MS ISO 9001:2008

13 CCRC Papar dan CCSC Kemahang, Cipta Sejarah

14 Gema Malam RASULULLAH @ CCVC Sepang

15 Dari KL ke KELANTAN

16 Kemeriahan SYAWAL Dikongsi Bersama

17 Walkabout EKSA Bersama YBhg. Dato' KP AADK

"Saya yakin dan percaya sekiranya kita menanam semangat dan berusaha bersama, Insha Allah kita akan berjaya".

(DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri

PENAUNG
YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah

EDITOR
Hj. Salehuddin bin Klewan

SETIAUSAHA KERJA
Mohd Saad bin Md Ani

PENULIS JEMPUTAN

1. Asrol Azizi bin Abdullah
   AADK Negeri Kedah
2. Rozeelia binti Abdul Wahid
   Cawangan Penyelidikan
   AADK Ibu Pejabat
3. Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan
   AADK Ibu Pejabat
4. Mazlan Jikran
   AADK Daerah Miri
5. Unit Majlis Tindakan Membanteras Dadah
   AADK Ibu Pejabat
6. AADK Daerah Pasir Puteh

REKABENTUK TEKNIKAL
Unit Media & Komunikasi Korporat AADK dan Ario Press

CETAKKAN
Ario Press

DADAH... Kesannya Membinasakan

SAMBUTAN Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) 2015 diadakan pada setiap tahun adalah sebagai memperingati pelancaran Kempen Antidadah Nasional yang pertama pada 19 Februari 1983 di mana Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia telah mengisytiharkan Dadah Musuh Nombor Satu Negara pada ketika itu. Pada sambutan tahun ini yang bertemakan "Dadah...Kesannya Membinasakan", memberikan mesej mengenai kesan dan bahaya dadah yang ditunjukkan secara jelas dan berterus terang kepada semua masyarakat agar mereka "merasai" bahawa penyalahgunaan dadah membawa kebinasaan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Majlis Sambutan HADK 2015 ini telah disempurnakan bersama oleh YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan serta negeri. Bersempena sambutan pada kali ini, tetamu-tetamu kehormat telah melancarkan Video Animasi Kesan Dadah yang memperihalkan kesan buruk pengambilan dadah jenis Heroin, Syabu, Ecstacy, Pil Kuda dan Ganja.

Majlis dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti Futsal, *sandwichboys and sandwichgirls*, Persembahan Sukan Ekstrem (Skateboard & BMX oleh Persatuan Belia), booth Doktor Muda Bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan gerai jualan produk PUSPEN. Dalam masa yang sama hadirin yang hadir dihiburkan dengan beberapa artis tempatan seperti Aris Ariwatan, Saleem, Zehra Zamri dan Nubhan AF.

Warna PUTIH telah dipilih sebagai tema pada kali ini sebagai simbol kontra dengan kesan-kesan akibat penyalahgunaan dadah seperti kesengsaraan, kedukaan, kesusahan dan kebergantungan.

Round-Table Dasar **DADAH** Negara dan Jawatankuasa **KHAS** MAJLIS SOSIAL

SERAMAI 93 orang peserta terdiri dari pelbagai Kementerian, jabatan/agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan penyelidik akan berkampung di Ibu Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama tiga hari bermula hari ini bagi menghadiri Bengkel Round-Table Dasar Dadah Negara dan Jawatankuasa Khas Majlis Sosial. Perasmian bengkel tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah AADK. Dalam ucapannya, YBhg. Dato' menjelaskan tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk menetapkan halatuju dan Plan of Action membanteras permintaan dan bekalan dadah serta melihat, menilai dan mengkaji tindakan-tindakan membanteras masalah dadah dari pelbagai aspek, seterusnya menyediakan kertas kerja dasar bagi dijadikan blue print untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Sosial Bil. 1/2015.

YBhg. Dato' Suhaimi turut menegaskan bahawa Dasar Dadah Negara yang akan dirangka mengambil kira strategi, impak dan pendekatan yang lebih berkesan bagi membendung ancaman gejala dadah berdasarkan inisiatif YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri bagi mewujudkan Masyarakat Malaysia Bebas Dadah, menjamin kesejahteraan hidup masyarakat serta mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Selain itu, dasar yang akan dirangka turut mengambil kira International Best Practices iaitu amalan-amalan negara maju seperti Switzerland, Australia, United Kingdom, Jerman dan Kanada.

PERKASAKAN KERJASAMA ANTARA AGENSI PENGUATKUASAAN

SATU Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang bagi kali kedua dalam tahun 2015 telah diadakan pada 22 Jun 2015 yang lalu dan dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi Menteri Dalam Negeri. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan strategi dan langkah secara kolektif merentasi jabatan serta pelbagai agensi bagi menangani masalah penagihan dan pengedaran dadah yang boleh menggugat keamanan negara.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri YB Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara, YBhg. Dato' Alwi bin Haji Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri serta wakil-wakil daripada kementerian dan jabatan yang terlibat. YBhg Dato' Ketua Pengarah AADK selaku tuan rumah telah membentangkan maklumbalas JPU bil 1/2015 kepada semua hadirin.

Hasil daripada mesyuarat tersebut akan dipertingkatkan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan bagi membanteras gejala penyalahgunaan dadah. Peranan NGO juga diperkemaskan dan diperhalusi lagi bagi memberi impak yang positif dalam menangai isu permasalahan dadah tersebut agar mereka yang terlibat dalam masalah dadah dapat berfungsi ke dalam masyarakat. Dalam masa yang sama usaha dan peranan STING PDRM dalam membanteras pengedaran dan penagihan dadah turut diberi pengiktirafan dan penghargaan.

Merakyatkan Keselamatan
MELALUI NBOS

AGENSI Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Miri telah menerima Siri Lawatan YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia AADK. Lawatan Julung kali, YBhg. Dato' Ketua Pengarah diiringi oleh Tuan Wan Madihi Bin Wan Salleh, Pengarah AADK Negeri Sarawak dan disambut oleh En.Zamnee Bin Ismail, Ketua Daerah AADK Daerah Miri bersama-sama pegawai dan kakitangan di LapanganTerbang Miri.

Sebelah pagi, YBhg. Dato' Ketua Pengarah hadir ke Program "Merakyatkan Keselamatan Melalui NBOS" di Rumah Panjang Johnson Jangu anjuran Kementerian Dalam Negeri. Program dirasmikan oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Timbalan Menteri Dalam Negeri. Di dalam program tersebut AADK Negeri Sarawak terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Induk dan mengadakan pameran serta pertandingan mewarna kanak-kanak.

Dalam Majlis "Sepetang Bersama Ketua Pengarah", YBhg Dato' Ketua Pengarah bersama Pengarah AADK Negeri Negeri Sarawak telah mendengar taklimat "Selayang Pandang AADK Daerah Miri". Taklimat disampaikan oleh Ketua Daerah dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan AADK daerah Miri dan Bintulu serta CCSC Miri. Sebelum itu, ucapan aluan dan selamat datang disampaikan oleh Pengarah AADK Negeri Sarawak. YBhg. Dato Ketua Pengarah kemudiannya menyampaikan amanat ringkas kepada semua yang hadir. Di dalam amanatnya beliau menyeru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan supaya sentiasa komited di dalam tugas di samping mengekalkan integriti pada tahap yang tinggi.

Ucapan Pengarah AADK Negeri Sarawak dalam majlis tersebut, beliau mewakili seluruh warga AADK Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian YBhg Ketua Pengarah AADK meluangkan masa untuk melawat AADK Daerah Miri dalam Siri Lawatan Kerja kali ini. Kehadiran YBhg. Dato' Ketua Pengarah telah membakar semangat kepada semua pegawai untuk terus meningkatkan prestasi dalam menjalankan tugas seharian.

Hukuman Kesalahan KETUM TIDAK SETIMPAL

HASIL dari Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) Bilangan 1 Tahun 2015 yang berlangsung pada 26 Januari 2015, telah bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi Menteri Dalam Negeri selaku Pengerusi JPU agar pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 berkaitan kawalan ketum turut meliputi pindaan kadar denda dan hukuman bagi kesalahan ketum diperketatkan bagi mereka yang menanam, menjual, mengedar, dan memproses daun ketum.

Sehubungan dengan itu satu mesyuarat yang dipergerusikan oleh YB Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar bersama YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah Ketua Pengarah AADK dan ahli mesyuarat yang lain telah diadakan di Ibu Pejabat AADK Malaysia. Mesyuarat tersebut membicangkan agar Hukuman di bawah Seksyen 6 iaitu 'denda RM20,000 dan penjara tidak melebihi 5 tahun' dikaji semula kerana ianya didapati terlalu rendah dan tidak sesuai lagi pada zaman ini.

Status pindaan ialah bacaan kali pertama Rang Undang-Undang tersebut di Dewan Rakyat telah berlangsung pada 25 November 2014 dan bacaan kali kedua di Dewan Rakyat dijadualkan berlangsung pada Penggal Pertama Sesi Parlimen 2015 yang akan bermula pada 9 Mac 2015. Dengan pindaan ini, kita berharap agar kawalan yang lebih ketat dapat dilaksanakan terhadap pihak-pihak yang mengeksploitasi daun ketum bagi tujuan disalahgunakan.

492 Terima Penghargaan Daripada Kerajaan

Tahniah!

ANUGERAH Perkhidmatan Cemerlang ini dianjurkan bagi menghargai usaha serta keringat para penjawat awam tidak kira di kementerian, jabatan serta agensi kerajaan yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang. Inisiatif yang kerajaan berikan adalah sebagai pemangkin semangat serta galakan untuk para penjawat awam berusaha dengan lebih gigih.

Seramai 492 orang warga kerja AADK dari seluruh negara telah dipilih oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia AADK bagi menerima anugerah berkenaan yang berupa Sijil Penghargaan serta Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri serta dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Keselamatan dan YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah AADK.

Dalam ucapan YB Timbalan Menteri, beliau mengingatkan agar semua pegawai dan kakitangan kerajaan perlu akur bahawa "Business is not as usual" dan zaman kerajaan mengetahui segalanya telah berlalu. Kita tidak boleh membuat andaian bahawa perkara yang betul dan relevan pada masa lalu kekal relevan pada hari ini. Majlis diserikan lagi dengan persembahan selingan nyanyian daripada kumpulan kior One Nada Harmoni dengan persembahan hebat dan memukau. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada AADK kepada YB Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman kerana sudi menyempurnakan majlis tersebut.

KEM SHIELDS PERDANA

PERMASALAHAN dadah ini didapati turut membelenggu dan mengancam bukan sahaja golongan belia malah juga golongan remaja di sekolah yang terdiri daripada murid. Penularan penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah ini menjadi kebimbangan masa kini kerana ianya merosakkan masa hadapan murid, keluarga, bangsa dan Negara.

Sehubungan dengan itu Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Kedah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah telah melaksanakan kem SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) Perdana Peringkat Negeri Kedah 2015 di Pendang Lake Resort, Kedah. Program tiga hari dua malam tersebut telah melibatkan 339 orang pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada 11 buah sekolah di seluruh negeri Kedah. Pelaksanaan program-program pendidikan dan peningkatan kesedaran ke atas murid sekolah secara keseluruhannya harus dilaksanakan secara terkesan agar menghasilkan impak yang berganda. Terutamanya ke atas golongan murid yang telah dikenalpasti berisiko tinggi bagi meningkatkan kesedaran tentang akibat penyalahgunaan dadah seterusnya mengupayakan diri untuk menolak pengaruh bahaya dadah.

Kem SHIELDS tersebut telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Shafinaz Binti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Tunku Panglima Besar Kedah, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah. Majlis tersebut dimerihakan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah AADK, YB Dato' Azmi bin Che Husain, Timbalan Speaker Kerajaan Negeri Kedah, Brigedier Jeneral Mardzuki bin Muhammad, Yang Berbahagia Panglima Briged 6 Angkatan Tentera Malaysia Kedah, Tuan Haji Mohammad Nazer Bin Haji Mustafa, Pengarah AADK Negeri Kedah serta ibu bapa peserta yang terlibat.

Diakhir ucapan Yang Teramat Mulia Tunku Puteri Intan Shafinaz, beliau menyarankan agar pelajar seharusnya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sihat yang boleh memupuk pemikiran minda yang kritis, kreatif dan matang. Proses pembelajaran dalam persekolahan adalah peluang mencipta masa depan yang cerah dan cemerlang untuk mencipta kegemilangan yang terbilang.

Produk **AADK** di **MAPPA 14**

SEPERTI sedia maklum, Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) yang mula diperkenalkan sejak tahun 2000 merupakan platform terpenting kepada seluruh penjawat awam untuk menghayati aspirari dan hasrat pucuk kepimpinan tertinggi negara. Amanat dan gagasan YAB Perdana Menteri semasa majlis ini sangat signifikan dalam usaha memertabatkan perkhidmatan awam dan memacu Malaysia kearah mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pada perhimpunan MAPPA ke 14 tahun ini, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mewakili Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk menyediakan pameran mengenai transformasi yang telah dilaksanakan. AADK telah mengenengahkan produk tanaman dan industri cottage daripada CCRC Jelebu, CCRC Jeli, Klinik C&C 1Malaysia Tampoi dan CCVC Sepang.

Pada majlis tersebut YBhg. Datuk Seri Mukhriz bin Tun Mahathir telah meluangkan masa ke tapak gerai pameran AADK diiringi YBhg. Dato' Suhaimi Abdullah selaku Ketua Pengarah AADK dan pengarah-pengarah bahagian yang lain. Dalam majlis yang sama YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia turut berkunjung ke gerai pameran AADK dan PDRM bagi melihat sendiri transformasi yang telah dilaksanakan bagi memacu negara menuju wawasan 2020.

YBhg. Dato' Sri KSU KDN Kagum Hasil Tanaman di Jelebu

BARU-BARU ini, YBhg. Dato' Sri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan lawatan kerja bagi memantau perkembangan pelaksanaan projek berkonsepkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS3) di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Jelebu. Lawatan tersebut turut diiringi oleh pegawai-pegawai kanan KDN serta AADK.

Pelaksananaan tanaman nanas di CCRC Jelebu bermula pada 10 Oktober 2013 yang melibatkan penanaman nanas jenis N36, Crystal Honey, Yankee dan MD2 secara berperingkat-peringkat di kawasan seluas 40 ekar manakala tanaman hiliran iaitu labu, tembikai dan timun di atas tanah seluas 10 ekar. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama pintar antara CCRC Jelebu, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Zon Tengah, Jabatan Pertanian Negeri Sembilan dan FAMA Negeri Sembilan.

Untuk rekod, jumlah penanaman yang telah dilaksanakan sehingga kini adalah sebanyak 165,000 anak benih dan jangkaan hasil boleh mencecah sehingga 5 tan setahun. Hasil tuaian pertama nanas bermula pada Disember 2014 dan jumlah terkumpul tuaian sebanyak 1.5 tan telah pun dijual kepada FAMA, LPNM dan pemborong persendirian. Tuaian tanaman hiliran pula bermula pada Februari 2014 dan jumlah terkumpul tuaian sebanyak 2.1 tan telah pun dijual secara runcit melalui orang perseorangan, pasar awam dan juga program anjuran AADK.

Aktiviti Hari **ANTIDADAH** **2015**

HARI ANTIDADAH ANTARABANGSA

"A Message Of Hope: Drug Use Disorders Are Preventable and Treatable"

Agensi Antidadah Kebangsaan

- Hebahan Perutusan YAB Perdana Menteri Sempena HADA 2015
- Mesej-mesej daripada Pemimpin
- Bacaan Yassin dan Kutbah Jumaat
- Solat hajat selepas solat jumaat
- Online poster session dan Sesi khas di TV AADK
- Open Day - orang ramai berpeluang berinteraksi bersama YBhg. Dato` Ketua Pengarah AADK melalui Facebook

AADK Open Day Sempena HADA 2015

SAMBUTAN Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) 2015 kali ini disambut dengan cara yang berlainan melalui penggunaan media massa, media elektronik dan media sosial. Konsep sambutan HADA pada kali ini adalah membina gerakan atau desakan agar semua pihak bercakap mengenai dadah dan kesannya yang membinasakan. Sambutan Hari Antidadah Antarabangsa (HADA) yang disambut pada 26 Jun 2015 bertujuan bagi menyokong matlamat yang dipersetujui dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu 1987 iaitu untuk menjadikan masyarakat seluruh dunia bebas dadah.

Pada hari tersebut pelbagai aktiviti diadakan bagi mewarnai sambutan HADA 2015 antaranya adalah perutusan HADA 2015 oleh YAB Perdana Menteri, mesej-mesej daripada pemimpin, bacaan yassin dan kutbah jumaat diseluruh Malaysia dan sesi temubual khas melalui stesen televisyen dan radio. Antara akviti yang menarik adalah kepada pengunjung laman sosial Facebook AADK Malaysia, mereka dapat berinteraksi secara terus bersama YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah. Orang awam boleh bertanya pelbagai permasalahan berkaitan dengan isu-isu penyalahgunaan dadah dan memberi cadangan bagi menangani musuh nombor 1 Negara. Dalam masa yang sama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Tuan Izhar bin Abu Talib dan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Tuan Azizan bin Ariffin serta pengarah-pengarah bahagian AADK turut hadir bagi munjukkan komitmen dalam menyajakan program tersebut.

Lebih mengejutkan sempena kempen sambutan Hari Antidadah Kebangsaan Antarabangsa 2015, jumlah likes AADK Malaysia semakin bertambah sehingga melibihi 10 ribu pengunjung pada hari tersebut. Pelbagai maklumbalas termasuk pertanyaan, cadangan, aduan dan penghargaan diberikan orang awam kepada AADK bagi menambahbaik perkhidmatan yang diberikan.

KESAN DADAH Dari Sudut PANDANGAN Islam

SAMBUTAN Memperingati Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) 2015 Peringkat Negeri Kelantan tahun ini mencipta kelainan dengan membawa pendekatan agama dalam usaha menyampaikan mesej mengenai kesan dan bahaya dadah dari perpektif agama.

Program yang diadakan di Masjid Ibrahimi Pasir Puteh, Kelantan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Anis Bin Hussein, Pengerusi Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Ibrahim Bin Abdul Ghani, Pengarah AADK Negeri Kelantan.

Bertemakan warna Putih sebagai simbol kesucian dan keamanan, program sambutan kali ini dipenuhi dengan aktiviti kerohanian seperti Perujian Hafazan, Solat Hajat Perdana, Tazkiran Agama, Selawat Perdana dan Acara Kemuncak Ceramah Antidadah yang bertemakan ***"Dadah.... Kesannya Membinasakan Dari Pandangan Islam"***. Selain itu program sambutan kali ini juga dimeriahkan dengan Pertandingan Futsal Belia, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Booth Pameran & Jualan dari AADK dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang diadakan di perkarangan Masjid Ibrahimi.

Sambutan ini diakhiri dengan majlis jamuan makan yang diiringi persembahan Nasyid dan Penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Futsal, Pertandingan Mewarna oleh Pengarah AADK Negeri dan Pengerusi MTMD.

AADK Capai Standard Piawai Dokumen MS ISO 9001:2008

PADA 22 Mei 2015 yang lalu telah diadakan Majlis Pelancaran Dokumen ISO dan Kempen Kesedaran Kepentingan Pelaksanaan ISO telah diadakan bertempat di Dewan Theatrette IbuPejabat AADK. Majlis tersebut merupakan satu wadah kesedaran kepada warga AADK berhubung pelaksanaan Program Kualiti MS ISO 9001:2008 yang sedang giat diusahakan.

Mengimbas kembali asas pelaksanaan, Persijilan Korporat MS ISO 9001:2008 di AADK bermula pada tahun 2010 dan terus menghasilkan penambahbaikan. Majlis pelancaran Dokumen Kualiti Keluaran ke 3 yang telah dikuatkuasakan bermula 2 Mei 2015 tersebut merupakan penambahbaikan prosedur kualiti terkini yang perlu dilaksanakan di setiap peringkat.

Sebagai memastikan kesedaran dan penglibatan menyeluruh warga AADK, majlis tersebut turut diselitkan dengan Taklimat Kempen kesedaran Kepentingan Pelaksanaan ISO oleh Encik Jailani bin Tameran Penolong Pengarah Kanan Unit Integriti Ibu Pejabat AADK. Taklimat tersebut telah memberi pencerahan berhubung kepentingan komitmen semua pihak dan impak positif yang bakal diperolehi hasil pelaksanaan MS ISO 9001:2008.

Majlis kemudian disusuli dengan ucaptama YBhg. Dato' Ketua Pengarah yang telah memberikan amanat agar semua pihak menghayati kepentingan pelaksanaan ISO di AADK dengan melihat secara menyeluruh kebaikan yang diterima termasuklah prosedur yang jelas serta dapat mengelakkan dari berlakunya khilaf yang memberi mudarat kepada mana-mana pihak. Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak agar sama-sama menjayakan pelaksanaan MS ISO di AADK ini dalam usaha memperolehi Persijilan ISO dari Badan Persijilan SIRIM yang bergantung kepada sejauh mana kejayaan semua pihak menghayati prosedur kualiti yang telah ditetapkan.

Dalam usaha memastikan AADK terus melaksanakan amanah pada tahap terbaik, pelaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9001:2008 dilihat menjadi platform untuk memastikan arahtuju tersebut dapat direalisasikan. Sehubungan itu, melaksanakan ISO merupakan komitmen bersepadu setiap pihak dan kualiti perlu dijadikan amalan tugasan harian demi kecemerlangan dan kelestarian perkhidmatan AADK.



CCRC PAPAR dan CCSC KEMAHANG CIPTA SEJARAH

Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) Papar danCure & Care Service Center (CCSC) Kemahang telah menduduki ranking pertama dengan penarafan lima [5] bintang dalam kategori masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Penarafan Bintang Penilaian Ranking Prestasi Pengurusan Dan Pelaksanaan Program Rawatan Dan Pemulihan Tahun 2014, Agensi Antidadah Kebangsaan yang berlangsung pada 01hb April 2015 [Rabu] yang lalu.

Masing-masing membawa pulang sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah, Agensi Antidadah Kebangsaan. Sebanyak tiga belas [13] buah CCRC telah dinilai pelaksanaan program pemulihan masing-masing dan tiga [3] buah CCRC daripadanya telah layak mendapat penarafan lima [5] bintang di kedudukan Cemerlang dan selebihnya mendapat penarafan empat [4] bintang di kedudukan Baik.

Penilaian ranking juga telah dilaksanakan di KlinikC&C 1Malaysia dan pada tahun 2014 Klinik C&C 1Malaysia Bachok telah dinilai dan layak mendapat penarafan empat (4) bintang di kedudukan Baik.

Bagi kategori pemulihan dalam komuniti sebanyak lapan [8] buah CCSC yang layak untuk di nilai dan empat [4] buah CCSC daripadanya telah layak mendapat penarafan lima [5] bintang di kedudukan Cemerlang, tiga [3] buah CCSC mendapat penarafan empat [4] bintang di kedudukan Baik dan satu [1] buah CCSC mendapat penarafan tiga [3] bintang di kedudukan Sederhana.

Seramai lapan [8] orang panel penilai telah melaksanakan penilaian ranking kepada tiga belas [13] buah CCRC, satu [1] buah Klinik Cure & Care 1Malaysia dan lapan [8] buah CCSC. Melalui aktiviti penilaian ini, panel penilai yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang luas turut dapat menyelia dan memberi khidmat bimbingan, memastikan arahan diterima dan dilaksanakan oleh PTJ dan membantu PTJ meningkatkan prestasi dalam menyampaikan perkhidmatan.

Berikut kedudukan ranking bagi CCRC dan CCSC yang mendapat penarafan lima [5] bintang.

1) **Kategori Cure & Care Rehabilitation Center [CCRC]**

KEDUDUKAN RANKING	CURE & CARE REHABILITATION CENTER [CCRC]
Satu [1]	CCRC Papar
Dua [2]	CCRC Bukit Chabang
Tiga [3]	CCRC Bachok

2) **KategoriCure & Care Service Center[CCSC]**

KEDUDUKAN RANKING	CURE & CARE SERVICE CENTER [CCSC]
Satu [1]	CCSC Kemahang
Dua [2]	CCSC Keningau
Tiga [3]	CCSC Kota Kinabalu
Empat [4]	CCSC Dungun

GEMA MALAM *Rasulullah* @ CCVC SEPANG

Cure & Care Vocational Center (CCVC) Sepang telah menganjurkan program Malam Gema Kasih Rasulullah melibatkan klien CCVC Sepang dan komuniti setempat. Program yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah AADK dan YBhg. Dato Wan Ali bin Wan Besar Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Malam Gema Kasih Rasulullah diadakan untuk menghayati dan menghidupkan Sunnah Rasulullah khususnya dengan merapatkan ukhwah Islam disamping bersama-sama menzahirkan kecintaan dan berselawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Selain berqasidah dan berselawat, para hadirin turut berpeluang mendengar tausiyyah yang disampaikan oleh Syeikh Abdul Razak Al Masri.

Majlis ini juga dijadikan sebagai platform untuk mendekatkan CCVC Sepang dengan masyarakat serta meneratkan hubungan dengan agensi-agensi awam, NGO dan pelbagai pihak ke arah membina kerjasama strategik dalam menjayakan hasrat negara sifar dadah.

Dari KL ke Kelantan

ATAS keprihatinan SKUAD 1Malaysia dalam meringankan beban mangsa banjir di Kelantan, seramai 30 orang ahli SKUAD 1Malaysia termasuk beberapa artis dan selebriti tanahair berserta 40 orang warga kerja Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah 'turun padang' bagi merealisasikan Misi Bantuan Banjir Kuala Lumpur ke Kelantan Darul Naim. Majlis pelancaran misi tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di perkarangan pejabat AADK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di sini, pagi tadi.

Bersempena misi tersebut, para sukarelawan akan melaksanakan gotong-royong mencuci kawasan yang dinaiki air di daerah Kota Bharu, Rantau Panjang, Kuala Krai dan Tanah Merah. Selain itu, para sukarelawan juga akan memberikan sokongan emosi serta menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan seperti beras, gula, tepung, biskut, susu dan banyak lagi.

KEMERIAHAN SYAWAL DIKONGSI BERSAMA

ALHAMDULILLAH syukur kepada Allah s.w.t kerana kita masih berkesempatan menyambut 1 Syawal pada tahun ini, tanda kemenangan semua Umat Islam dalam berjaya mengekang hawa nafsu dalam bulan ramadhan. Justeru itu, AADK Ibu Pejabat telah berkongsi kemeriahan syawal dengan mengadakan Jamuan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Dewan Akasia di Ibu Pejabat AADK.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Suhaimi bin Abdullah Ketua Pengarah AADK, pengurusan tertinggi AADK dan pengarah-pengarah negeri seluruh Malaysia. Disamping itu setiap bahagian turut terlibat dengan menyediakan gerai makanan yang telah ditetapkan. Kemeriahan syawal tersebut dikongsikan bersama dengan sumbangan duit raya melalui Kelab Kebajikan & Sukan AADK kepada anak-anak yatim serta miskin daripada, Rumah Anak Yatim Rukaiyah dan Maahad Tahfiz Anak Yatim Darul Fuqaha.

Ikatan silaturahim dan ukhwah dizahirkan dengan kehadiran wakil-wakil jabatan yang terdekat, media tempatan serta bekas-bekas pengarah AADK yang telah berpencen. Dalam pada itu, suasana majlis tersebut digamatkan lagi dengan persembahan daripada setiap bahagian dan nyanyian daripada tetamu yang hadir.

Walkabout EKSA Bersama **YBhg. Dato' KP** AADK

PROGRAM Walkabout EKSA bersama YBhg. Dato' Ketua Pengarah dan Pengurusan Tertinggi AADK yang telah diadakan bertujuan mendapatkan pandangan dan komen dari Pengurusan Tertinggi berhubung tahap pelaksanaan EKSA di semua zon. Program ini juga dilaksanakan untuk menilai tahap kesediaan AADK ke arah persijilan EKSA. Secara tidak langsung, pendekatan ini juga menunjukkan penglibatan maksimum pihak pengurusan AADK dalam pelaksanaan EKSA yang turut menjadi kriteria yang diambilkira oleh pihak MAMPU.

Hasil pemerhatian dalam program Walkabout tersebut, YBhg Dato' Ketua Pengarah dan Pengurusan Tertinggi AADK telah menyatakan beberapa teguran membina untuk perhatian dan tindakan serius semua warga AADK.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan EKSA di setiap zon mempunyai potensi untuk terus dipertingkat dari semasa ke semasa sebagaimana dihasratkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi AADK. Pengurusan Tertinggi AADK melalui program ini berpendapat dan menaruh kepercayaan bahawa kecemerlangan pelaksanaan EKSA dapat dicapai melalui komitmen penuh yang diberikan oleh setiap warga AADK ke arah persijilan EKSA oleh MAMPU.

Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 03 - 8911 2200 Fax: 03 - 8926 2055
Email: webmaster@adk.gov.my
Website: www.adk.gov.my

facebook.com/Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

facebook.com/SKUAD 1Malaysia

@AADK Malaysia

AADKMalaysia

SMS 15888
agensi dadah kebangsaan